

# Pelajar SMK Kota Marudu II dapat tonik terbaik lawat UMSKAL

UB 14.10.2023 P.08

LABUAN: Seramai 85 pelajar SMK Kota Marudu II, Kota Marudu, mendapat tonik terbaik ketika mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Khamis lalu.

Ketua rombongan, Syed Mohamad Ashraf Mokdin, berkata lawatan berkenaan bertujuan menyuntik semangat pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh.

Selain itu, katanya, ia untuk memberi pengalaman awal suasana universiti yang berbeza dengan

sekolah menengah.

“Kami berharap menerusi lawatan itu, ia menambah wawasan pelajar untuk memperkayakan potensi diri.

“Malah lawatan ini menaikkan semangat pelajar untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka ke UMS,” katanya.

Pelajar yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3, 4, 5 dan 6 itu merupakan pelajar yang tinggal di asrama, dan turut disertai sembilan warden.

Syed Mohamad yang mewakili Pengetua, Morris Kundapit mengu-

capkan terima kasih atas layanan mesra pihak pengurusan UMSKAL.

Terdahulu ketibaan rombongan sekolah itu disantuni Ketua Pentadbiran UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah dan Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia UMSKAL, Mas Adi Alimin.

Selepas taklimat mengenai UMSKAL oleh Mas Adi, diadakan pula taklimat mengenai Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) oleh Pegawai Teknologi Maklumat Kanan FKI, Mohd Nazri Suin.

Mas Adi berpesan agar semua pelajar belajar bersungguh-sungguh agar dapat menyambung pengajian di UMSKAL.

Mereka telah diberikan penerangan tentang program-program yang terdapat di FKI, fungsi makmal-makmal komputer dan tayangan hasil-hasil projek pelajar tahun akhir.

Pelajar dan guru turut dibawa melawat makmal FKI di Aras 9 dan meninjau pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan dari Aras 13 yang turut menempatkan Balai Cerapan.



**SEMANGAT:** Zamri (tengah) bersama pelajar dan guru SMK Kota Marudu II yang melawat UMSKAL pada Khamis lalu.